

# LAWATAN KERJA KHAS PANGLIMA TENTERA UDARA KE PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3412-lawatan-kerja-khas-panglima-tentera-udara-ke-pangkalan-udara-butterworth](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3412-lawatan-kerja-khas-panglima-tentera-udara-ke-pangkalan-udara-butterworth)

BUTTERWORTH, 30 Apr 18 – Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM telah mengadakan Lawatan Kerja Khas beliau ke Pangkalan Udara Butterworth hari ini. Dalam rangka lawatannya, beliau telah berbesar hati bagi menyampaikan Pingat Jasa Malaysia kepada salah seorang pesara TUDM iaitu Flait Sarjan Zaidi Salleh. Penyampaian pingat ini merupakan satu tanda penghargaan di atas tindakan pantas beliau dalam menyelamatkan seorang wanita di Jambatan Pulau Pinang tempoh hari.

Lawatan kerja Khas Panglima Tentera Udara diteruskan lagi dengan Majlis Penyampaian Sijil dan Sayap Penerbangan Kuartermaster Udara Siri 31/2017. Kursus Penerbangan Kuartermaster Udara Siri 31/2017 ini telah berlangsung selama 8 bulan di Pusat Latihan Terbang Taktikal (PLTT) No 3 Skuadron. Seramai 7 orang peserta kursus telah melapor diri di PLTT No 3 Skuadron yang terdiri daripada 3 orang anggota Pangkalan Udara Tentera Darat (PUTD) dan 4 orang anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Walau bagaimanapun, hanya 6 orang peserta kursus berjaya menamatkan latihan manakala seorang peserta terpaksa digugurkan daripada latihan di atas faktor kesihatan. BK TMK Saiful Noorhaizam bin Mohd Noor telah dipilih sebagai Pelatih Terbaik Keseluruhan.

Di akhir Lawatan Kerja Khas Panglima Tentera Udara, beliau telah dibawa ke Hangar No 18 Skuadron bagi merasmikan *Commisioning Ceremony Engine Test Cell Facility* sebelum berangkat pulang ke Kuala Lumpur.



